

21/01/2002

Sultan Kedah tolak tindakan ekstrim

ALOR STAR, Ahad - Sultan Kedah bertitah tindakan ekstrim dan ganas tidak akan memberi apa-apa manafaat, sebaliknya hanya membawa bencana yang mudah merebak, tetapi sukar untuk diatasi.

Sehubungan itu, baginda menyeru rakyat di negeri itu sentiasa mengutamakan keamanan dan keharmonian ketika melaksanakan apa juga tindakan atau keputusan.

Sultan Kedah bertitah demikian pada majlis istiadat menyembah tahniah dan penganugerahan darjah-darjah serta bintang kebesaran sempena hari keputeraan baginda yang ke-74 di Istana Anak Bukit di sini, hari ini.

Turut hadir, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Baginda bertitah prasyarat terpenting untuk mencapai kemajuan sesebuah negeri ialah dengan mewujudkan suasana aman dan harmoni sepanjang masa.

Sehubungan itu, baginda mahu rakyat negeri ini supaya sentiasa mengutamakan keamanan dan keharmonian di dalam melaksanakan apa-apa tindakan atau mengambil sebarang keputusan.

"Dalam usaha meletakkan Kedah sebagai negeri maju, kita tidak boleh mengabaikan ciri-ciri budaya dan adat resam pelbagai kaum yang diwarisi selama ini.

Baginda juga menyeru pegawai kerajaan supaya bersikap proaktif untuk menarik masuk pelaburan asing serta membantu pihak swasta menjalankan projek mereka dengan lebih lancar.

Titah baginda, kombinasi pelaburan sektor dan awam akan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan memberi kesan limpahan untuk dinikmati oleh rakyat jelata.

"Kejayaan memajukan Langkawi, Sungai Petani dan Kulim membuktikan konsep perkongsian bijak seperti ini mempercepatkan pembangunan dan kesannya berjaya dinikmati oleh semua pihak," titah baginda.

Seramai 975 pemimpin politik, ketua jabatan, kakitangan kerajaan, ahli profesional, ahli perniagaan dan anggota keselamatan dianugerahkan bintang kebesaran, tahun ini.

Mengetuai penerima anugerah hari ini ialah Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Dr Mohamed Zahir Ismail menerima darjah Seri Setia Diraja Kedah (SSDK) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Antara penerima lain adalah Pengarah Urusan Adabi Consumer Industries Sdn Bhd, Syed Manshor Syed Mahmood; Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti; Dr Adi Taha dan Ketua Trafik Pasukan Cawangan Trafik Bukit Aman, SAC II Ahmad Bahrin Idrus, masing-masing menerima bintang Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk.

(END)